

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14 / 08 / 2007

# PM enggan ulas penarikan Jafza International

UM - 14/8/2007.

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy menjelaskan perkara berhubung penarikan Jafza International daripada menguruskan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Perdana Menteri berkata: "Saya akan minta Kong Choy memaklumkan apa yang berlaku dan saya tidak mahu mengulas sebelum mendapat sebarang maklumat."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis perasmian Konsyen Pengurusan Aset dan Fasilitas Negara (Nafam) 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Jafza International yang berpangkalan di Dubai mahu menarik diri daripada menguruskan PKFZ baru-baru ini.

Pengendali zon bebas itu menarik diri daripada konsesi pengurusan di PKFZ

pada pertengahan Julai lalu dan menyatakan bahawa ia hanya berminat dalam pembangunan zon bebas di mana ia boleh mengekalkan kawalan operasi sebagai pemegang saham ekuiti.

Konsesi PKFZ bagaimanapun, hanya meliputi kontrak pengurusan operasi dengan 100 peratus ekuiti yang dikekalkan oleh Lembaga Pelabuhan Klang.

PKFZ yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Pelabuhan Klang direka bentuk

dan diuruskan oleh syarikat pengendali pelabuhan di Dubai, Jafza International untuk tempoh 15 tahun.

Abdullah juga ditanya mengenai pertemuan beliau dengan pihak Jafza International seperti yang dilaporkan.

Beliau berkata, ia memang berlaku tetapi tidak menyentuh mengenai PKFZ.

"Mereka jumpa saya dari dahulu lagi. Tiada kena-mengena dengan masalah ini (PKFZ)," kata beliau.